

Mahathir hadiri mesyuarat khas

P
KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr/Mahathir Mohamad, hari ini mempe-
ngurusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Pembangunan Kuala Lumpur yang membincangkan beberapa perkara mengenai pembangunan ibu negara, pengangkutan, pendidikan dan alam sekitar.

Mesyuarat lebih tiga jam itu berlangsung di Jabatan Perdana Menteri, dihadiri beberapa menteri Kabinet ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Dr Ling Liong Sik; Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk S Samy Vellu; Menteri Kerjaraya, Datuk Leo Moggie; Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud serta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding.

Turut hadir ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd

Taib; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Suleiman Mohamed dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Dr Mazlan Ahmad; Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Datuk Nordin Abdul Raak dan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Ismail Che Ros.

Law ketika dihubungi selepas mesyuarat itu berkata, pembinaan jalan raya di sekitar Wilayah Persekutuan pada masa akan datang mengambil kira kesan pencemaran bunyi yang kini menjadi masalah serius di ibu negara.

Beliau berkata, mesyuarat itu turut membincangkan pembangunan dan pemeliharaan alam di Wilayah Persekutuan mesti diseimbangkan supaya imej Kuala Lumpur sebagai ibu kota hijau dapat dikekalkan.

DH 18 JAN 1994